

3.3 CIRI-CIRI OBJEKTIF SESEBUAH PERNIAGAAN

Objektif sesebuah perniagaan terbahagi kepada :

Matlamat yang ingin dicapai dalam masa kurang daripada lima tahun.	Matlamat yang hendak dicapai dalam tempoh melebihi lima tahun.

Ciri-ciri objektif dibentuk berdasarkan konsep SMART:

Huraian	Konsep
✓ Pernyataan objektif hendaklah dinyatakan secara khusus. ✓ Tindakan yang boleh diukur secara kuantitatif.	
✓ Objektif yang ditetapkan dapat dibandingkan dengan pencapaian pada sebelum dan selepas sesuatu aktiviti dilaksanakan. ✓ Pencapaian dapat diukur secara kuantitatif (angka, nombor, masa dan wang) atau kualitatif (kepuasan pengguna apabila menggunakan sesuatu barang atau perkhidmatan).	
✓ Sasaran yang ditetapkan mesti boleh dicapai. ✓ Para pekerja mesti menggembleng tenaga sepenuhnya berdasarkan sumber yang ada.	
✓ Objektif yang ditetapkan mesti tidak mustahil untuk dicapai. ✓ Tenaga fizikal, sumber manusia dan bahan mentah yang digunakan, mesti boleh mengorak langkah kea rah pencapaian objektif yang ditetapkan. ✓ Peniaga yang menetapkan objektif perlu mengambil kira dua perkara, iaitu: - Sumber manusia yang merangkumi pengalaman, kemahiran, pengetahuan dan bilangan pekerja yang ada. - Faktor persekitaran yang perlu dipadankan dengan kekuatan yang ada.	
✓ Satu tempoh masa yang perlu ada dalam penentuan sesuatu objektif perniagaan. ✓ Tempoh yang dimaksudkan boleh jadi dalam jangka pendek atau jangka panjang. ✓ Carta Gantt boleh digunakan sebagai panduan terhadap hala tujuan objektif yang ditetapkan. - Aktiviti dan masa yang dirancang untuk mencapai objektif akan dipadankan dan dijadikan rangka rujuk dan panduan untuk mencapai objektif yang ditetapkan.	